

24/11/1999

## Media massa asing campur tangan

KIAU perhatikan media massa asing, khasnya milik Barat, cukup berminat dengan pilihan raya kita sedangkan mereka tidak putus-putus menuduhnya berat sebelah, tak telus dan macam-macam lagi.

Kiau fikir ada beberapa sebab. Pertama, pilihan raya kita sebenarnya bebas, telus dan adil. Cuma media massa Barat sengaja tak mahu mengaku pasal mereka cukup benci kepada Dr Mahathir.

Kedua, mereka hendak lariskan jualan akhbar dan majalah di negara kita dengan menyiarkan berita sensasi.

Walaupun mereka caci kerajaan serta negara kita, akhbar dan majalah mereka bebas dijual di sini tak macam Singapura yang selalu sekat jualan akhbar dan majalah asing. Tapi mereka tak kutuk Singapura macam mereka kutuk kita pasal Singapura bukan negara Islam dan baik pula dengan Israel.

Israel dan pelobi Yahudi sangat kuat pengaruh mereka terhadap kerajaan dan media massa Amerika.

Ketiga, wartawan asing bebas keluar masuk negara kita dan pergi ke mana saja mereka suka. Di sini mereka tak payah ambil 'lesen' macam yang diwajibkan di banyak negara. Jadi banyaklah wartawan payung terjun di negara kita.

Keempat, mereka memang tak suka tengok negara Islam hidup tenteram, bebas, bersatu dan maju. Ini tak masuk akal. Bagi mereka, negara Islam mesti kucar-kacir, miskin dan terjajah.

Apatah lagi banyak negara Islam yang kaya pun sudah 'dijajah'. Tak banyak lagi negara Islam yang bebas. Mereka sama ada berlindung di bawah naungan Amerika Syarikat atau disekat kebebasannya dengan memperalatkan Bangsa-Bangsa Bersatu. Sebab itulah bumi Arab sekarang penuh dengan askar Amerika dan Nato.

Kelima, mereka adalah tali barut kepada kerajaan mereka dan pihak-pihak lain yang berkuasa ke atas mereka.

Walaupun sekali sekala mereka tegur kerajaan mereka tetapi dalam hal antarabangsa mereka kerap sependapat. Jika kerajaan mereka berpengaruh di sesebuah negara, mereka turut berpengaruh.

Mengenai Dr Mahathir, media massa Barat dari awal lagi tidak suka kepada dia. Satu sebab ialah kerana dia tidak dididik di Barat. Media massa Barat kerap ungkit hakikat bahawa Dr Mahathir adalah Perdana Menteri Malaysia yang pertama yang berpendidikan tempatan.

Ini orang kita, khasnya yang belajar di universiti tempatan, kena sedar. Media massa Barat lebih hormat orang yang belajar di negara Barat daripada di negara sendiri.

Jadi berjaga-jagalah sikit bila berdepan dengan media massa Barat. Jangan telan bulat-bulat diayah (dakyah) mereka. Mereka akan sokong pihak yang mereka boleh peralatkan.

Media massa Barat cukup benci Dr Mahathir pasal dia selalu selar Barat dan media massa Barat dengan terus terang. Kepada media massa Barat, sahlah Dr Mahathir anti-Barat.

Mereka tidak boleh terima hakikat bahawa seorang pemimpin Islam yang dididik di dalam negaranya sendiri boleh bercakap Inggeris begitu fasih dan berhujah dengan bernas.

Jadi apabila ada seorang pemimpin lain yang juga dididik di dalam negara dan fasih pula berbahasa Inggeris, pintar cakap pasal Islam tetapi nampak liberal, mereka tentulah suka orang itu. Apatah lagi dia selalu puji Barat.

Tidak hairanlah kalau media massa Barat bagi layanan cukup bagus kepada bekas Timbalan Perdana Menteri. Dia sendiri sangat jaga hati media massa Barat dan kerap bagi tahu mereka yang dia tak setuju dengan Dr Mahathir.

Masa dia berkuasa, dia dan penasihat-penasihat medianya bagi lebih banyak keutamaan kepada media massa asing daripada media tempatan. Dia tahu sebahagian besar media massa tempatan memang bawah telunjuk dia.

Kiau tak tahulah kalau ada rahsia kerajaan yang dibocorkan dalam taklimat "off-the-record" yang kerap diberikannya kepada media massa asing itu.

Malah sampailah dia dipecat, dia ada seorang penasihat media yang namanya N V Raman. Gaji si Raman ini dibayar oleh seorang tauke keturunan Cina.

Si Raman ini pada mulanya kerja sebagai pemberita New Straits Times. Bila tak setuju dengan NST dia lari ke The Star. Pada tahun 1987 bila lesen The Star digantung, dia lari ke Amerika Syarikat.

Bila keganasan reformasi tercetus di Kuala Lumpur dan banyak konco bekas TPM kena tangkap atau cabut lari, Raman `balik' semula ke Amerika Syarikat. Dia inilah yang dipercayai tali barut bekas TPM nombor satu di Barat.

Dengan latar belakang ini, tidak hairanlah kalau media massa asing campur tangan dalam hal ehwal negara kita khasnya dalam pilihan raya yang sedang berjalan sekarang.

Kita tak mahu atau tak boleh halang mereka. Yang kita boleh buat ialah berhati-hati terhadap percubaan mereka pecah-belahkan kita, khasnya orang Islam.

(END)